



جاتان اگاما جوهر

JABATAN AGAMA JOHOR,
BAHAGIAN PENDIDIKAN,
Tingkat 3 & 4, Blok B,
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
80990 Johor Bahru, Johor

No. Tel.: 07-2282928/30/32/33/55
Fax : 07-2233178
Website : <http://www.johordt.gov.my/jaj>
Emel : bpaj@johor.gov.my

Sila nyatakan rujukan bilangan surat kami
apabila menjawab

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: JAJ.PEND.010 / 708 Jld.3 (10)
Tarikh: 18 Mac 2014
16 Jamadil Awal 1435

Sebagaimana di Lampiran A

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

**PEKELILING BAHAGIAN PENDIDIKAN JABATAN AGAMA JOHOR BILANGAN 1 TAHUN 2014
PERATURAN PAKAIAN RASMI MURID SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan Pekeling Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor Bilangan 1 Tahun 2014 untuk dipanjangkan kepada semua sekolah di bawah pentadbiran tuan.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' HJ. ABD. RAZAK BIN HASSEN)
Pengarah

s.k Fail timbul.

Lampiran A

1. Timbalan Pengarah Pengurusan, Jabatan Agama Johor
2. Timbalan Pengarah Operasi, Jabatan Agama Johor
3. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan
4. Penolong Pengarah, Unit Pentadbiran Dan Kewangan
5. Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Sekolah
6. Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Akademik
7. Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan
8. Ketua Jemaah Nazir
9. Penolong Pengarah Seksyen
10. Penolong Pegawai Seksyen
11. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru
12. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Muar
13. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Batu Pahat
14. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Pontian
15. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Kluang
16. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Kota Tinggi
17. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Segamat
18. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Mersing
19. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Kulaijaya
20. Pegawai Pendidikan Agama Daerah Ledang
21. Pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri Johor



**PEKELILING BAHAGIAN PENDIDIKAN JABATAN AGAMA JOHOR
BILANGAN 1 TAHUN 2014
PERATURAN PAKAIAN RASMI MURID SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR**

1. Tujuan

Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk menetapkan peraturan pakaian murid di Sekolah Agama Negeri Johor.

2. Latar Belakang

- 2.1 Hari persekolahan bagi Sekolah-sekolah Agama seluruh Negeri Johor sebagaimana maksud Pekeliling Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor Bilangan 5 Tahun 2013 mulai sesi persekolahan tahun 2014 telah ditetapkan pada hari Ahad hingga Khamis. Manakala cuti mingguan pula adalah pada hari Jumaat dan Sabtu.
- 2.2 Selaras dengan itu, pekeliling ini dikeluarkan bagi menetapkan jenis pakaian yang perlu dipakai oleh murid-murid di Sekolah Agama Negeri Johor dengan mengambil kira hari dan aktiviti yang dijalankan.

3. Pakaian Rasmi Murid

- 3.1 Secara amnya, semua murid diarahkan untuk memakai pakaian yang sempurna, menutup aurat dan mematuhi prinsip berpakaian sebagai murid yang menuntut di Sekolah Agama Negeri Johor.

3.2 Beberapa jenis pakaian telah ditetapkan mengikut jenis sekolah atau tahap pembelajaran iaitu sebagaimana berikut :

3.2.1 Tadika Agama Johor

3.2.1.1 Lelaki

- a. Baju Kemeja lengan panjang, potongan ceongsam, berbutang luar, melengkung pada kolar (leher) baju dan hujung lengan, berwarna putih dan maroon (sebagaimana lampiran 1).
- b. Berseluar panjang dan berwarna maroon.
- c. Bersongkok hitam.
- d. Berstoking putih dan berkasut putih (jenis kain).

3.2.1.2 Perempuan

- a. Baju Kurung Telok Belanga berwarna putih dan bertudung putih.
- b. Berkain berwarna maroon.
- c. Berstoking putih dan berkasut putih (jenis kain).

3.2.1.3 Panduan Umum :

- a. Pakaian tersebut di atas dipakai pada hari persekolahan iaitu Ahad hingga Khamis.
- b. Pakaian sukan/riayah dibenarkan dipakai ketika menjalani aktiviti tersebut.
- c. Pakaian lain yang bersesuaian adalah dibenarkan seperti untuk mengadakan majlis rasmi dan sebagainya tertakluk kepada kebenaran Guru Besar.

3.2.2 Sekolah Agama Kerajaan Johor

3.2.2.1 Lelaki

- a. Baju Melayu Telok Belanga lengkap berwarna putih, "bersinglet", dan bersamping warna hitam berdagang dalam.
- b. Bersongkok hitam, berstoking dan berkasut putih (jenis kain).

3.2.2.2 Perempuan

- a. Baju Kurung Telok Belanga berwarna putih.
- b. Berkain biru tua dan bertudung labuh berwarna putih.
- c. Berstoking putih dan berkasut putih (jenis kain).

3.2.2.3 Panduan Umum :

- a. Pakaian tersebut di atas dipakai oleh murid pada hari persekolahan Ahad hingga Khamis.
- b. Bagi pengawas, pustakawan, ketua kelas dan sebagainya, identiti mereka boleh ditentukan dengan warna tertentu menerusi kain samping, tudung atau kain sebagaimana yang ditetapkan oleh Guru Besar.
- c. Pakaian lain yang bersesuaian adalah dibenarkan seperti untuk mengadakan majlis rasmi dan sebagainya tertakluk kepada kebenaran Guru Besar.

3.2.3 Darjah Khas Agama Negeri Johor

3.2.3.1 Lelaki

- a. Baju Kemeja Putih berlengan panjang dan “bersinglet”.
- b. Seluar panjang coklat tua dan bertali pinggang.
- c. Bersongkok hitam, berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

3.2.3.2 Perempuan

- a. Baju Kurung Telok Belanga berwarna putih dan berbaju dalam.
- b. Berkain coklat tua dan kain dalam, bertudung labuh putih.
- c. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

3.2.4 Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)

3.2.4.1 Lelaki

i. Hari Ahad, Isnin dan Selasa

- a. Baju kemeja berwarna putih berlengan pendek.
- b. Seluar panjang biru tua dan bertali pinggang.

ii. Hari Rabu

- a. Sebagaimana peraturan pada perkara (i) di atas; atau
- b. Baju seragam kokurikulum / badan beruniform.

iii. Hari Khamis

- a. Baju Melayu Telok Belanga lengkap berwarna putih dan bersamping berdagang dalam mengikut warna dan corak ketetapan sekolah.

iv. Panduan Umum :

- a. Bersongkok hitam, berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).
- b. Pada hari kokurikulum, murid dibenarkan memakai topi yang bersesuaian dengan badan beruniform masing-masing.
- c. Bagi pengawas, pustakawan, ketua kelas dan sebagainya, identiti mereka boleh ditentukan dengan warna tertentu menerusi baju atau kain samping sebagaimana yang ditetapkan oleh Guru Besar.
- d. Pakaian sukan/riadah dibenarkan dipakai ketika menjalani aktiviti tersebut.

3.2.4.2 Perempuan

i. Hari Ahad, Isnin, Selasa dan Khamis

- a. Baju Kurung Telok Belanga berwarna putih.
- b. Berkain biru tua dan bertudung labuh putih.
- c. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

ii. Hari Rabu

- a. Sebagaimana peraturan pada perkara (i) di atas; atau
- b. Baju seragam kokurikulum atau badan beruniform.
- c. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

iii. Panduan Umum :

- a. Bagi pengawas, pustakawan, ketua kelas dan sebagainya, identiti mereka boleh ditentukan dengan warna tertentu menerusi baju atau tudung sebagaimana yang ditetapkan oleh Guru Besar.
- b. Pakaian sukan/riadah dibenarkan dipakai ketika menjalani aktiviti tersebut.
- c. Berbaju dalam dan berkain dalam.

3.2.5 Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang

3.2.5.1 Lelaki

i. Hari Ahad, Isnin dan Selasa

a. Pelajar Aliran Biasa.

- Baju kemeja lengan panjang berwarna putih bertali leher sekolah.

b. Pelajar Aliran Tahfiz.

- Baju kemeja lengan panjang berwarna putih potongan ceongsam , berbutang luar, melengkung pada kolar (leher).

c. Berseluar panjang berwarna hijau.

d. Bersongkok hitam

e. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

ii. Hari Rabu

a. Baju seragam kokurikulum.

iii. Hari Khamis

a. Baju Melayu Telok Belanga lengkap berwarna putih, "bersinglet" dan bersamping rasmi sekolah berdagang dalam.

b. Bersongkok hitam.

c. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

iv. Panduan Umum :

a. Bersongkok hitam, berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

b. Pada hari kokurikulum, murid dibenarkan memakai topi atau songkok yang bersesuaian dengan badan beruniform masing-masing.

c. Bagi pengawas, pustakawan, ketua kelas dan sebagainya, identiti mereka boleh ditentukan dengan warna tertentu menerusi baju atau kain samping sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengetua.

d. Pakaian sukan/riadah dibenarkan dipakai ketika menjalani aktiviti tersebut.

e. Memakai "singlet".

3.2.5.2 Perempuan

i. Hari Ahad, Isnin, Selasa dan Khamis

- a. Baju Kurung Telok Belanga berwarna putih.
- b. Berkain biru tua dan bertudung labuh putih.
- c. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

ii. Hari Rabu

- a. Baju seragam kokurikulum.
- b. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

iii. Panduan Umum :

- a. Bagi pengawas, pustakawan, ketua kelas dan sebagainya, identiti mereka boleh ditentukan dengan warna tertentu menerusi baju atau tudung sebagaimana yang ditetapkan oleh pengetua.
- b. Berbaju dalam dan berkain dalam.
- c. Pakaian sukan/riah dibenarkan dipakai ketika menjalani aktiviti tersebut.

3.2.6 Sekolah Menengah Tinggi Arab (Maahad Johor)

3.2.6.1 Tingkatan 6 (Lelaki)

i. Hari Ahad

- a. Baju batik sekolah.
- b. Seluar panjang "slack" berwarna hitam dan bertali pinggang (jenis kain).
- c. Bersongkok hitam.
- d. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

ii. Hari Isnin dan Selasa.

- a. Baju kemeja lengan panjang potongan ceongsam, berbutang luar, melengkung pada kolar (leher). Baju berwarna ungu bagi pelajar Tingkatan 6 dan berwarna putih bagi pelajar Tahfiz As-Syafie.
- b. Berseluar panjang berwarna hitam.
- c. Bersongkok hitam.
- d. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).

- iii. Hari Rabu.**
 - a. Baju seragam kokurikulum.
- iv. Hari Khamis.**
 - a. Baju Melayu Telok Belanga lengkap berwarna putih, "bersinglet" dan bersamping rasmi sekolah berdagang dalam (pelajar Tingkatan 6) dan jubah berwarna putih (pelajar Tahfiz As-Syafie).
 - b. Bersongkok hitam (pelajar Tingkatan 6) dan kopiah putih (pelajar Tahfiz As-Syafie).
 - c. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).
- v. Panduan Umum :**
 - a. Bagi pengawas, pustakawan, ketua kelas dan sebagainya, identiti mereka boleh ditentukan dengan warna tertentu menerusi baju sebagaimana yang ditetapkan oleh pengetua.
 - b. Berbaju dalam dan berkain dalam.
 - c. Pakaian sukan/riadah dibenarkan dipakai ketika menjalani aktiviti tersebut.

3.2.6.2 Tingkatan 6 (Perempuan)

- i. Hari Ahad dan Khamis**
 - a. Baju kurung batik sekolah.
 - b. Berkain rasmi sekolah dan bertudung labuh warna putih.
 - c. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).
- ii. Hari Isnin dan Selasa**
 - a. Baju Kurung Telok Belanga berwarna ungu.
 - b. Berkain rasmi sekolah dan bertudung labuh warna putih.
 - c. Berstoking putih dan berkasut hitam (jenis kain).
- iii. Hari Rabu**
 - a. Baju seragam kokurikulum.

- iv. Panduan Umum**
- a. Bagi pengawas, pustakawan, ketua kelas dan sebagainya, identiti mereka boleh ditentukan dengan warna tertentu menerusi baju atau tudung sebagaimana yang ditetapkan oleh pengetua.
 - b. Berbaju dalam dan berkain dalam.
 - c. Pakaian sukan/riadah dibenarkan dipakai ketika menjalani aktiviti tersebut.

4. Pemakaian

- 4.1 Peraturan ini terpakai untuk semua murid yang menuntut di Sekolah Agama Kerajaan Johor, Sekolah Rendah Agama bersepadu (SRAB), Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ), Sekolah Menengah Agama (SABK) Negeri Johor dan Sekolah Menengah Tinggi Agama Kerajaan Johor (Maahad Johor).
- 4.2 Sebarang perubahan berkaitan pemakaian yang telah ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Agama Johor.


5. Kuat kuasa

Tarikh kuat kuasa bagi pelaksanaan arahan ini adalah mulai 01 April 2014. Sehubungan dengan itu, semua pentadbir sekolah diarah supaya dapat memastikan arahan ini dapat dipatuhi.

6. Pembatalan

Dengan berkuatkuasanya arahan ini, segala pekeliling berkaitan peraturan pakaian murid yang telah dikeluarkan sebelum ini adalah **terbatal**.

Lampiran 1



Pandangan Hadapan